

**Mogok Lapar Satu Lagi Cubaan Rosak Program Transformasi – Hishammuddin  
Bernama  
25 Mei, 2012**

PUTRAJAYA, 25 Mei (Bernama) -- Ancaman mogok lapar oleh sekumpulan tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dilihat sebagai satu lagi percubaan untuk merosak atau mengalih perhatian daripada program transformasi Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Menyatakan demikian, Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hishammuddin Hussein berkata rakyat perlu memandang secara lebih luas dan lihat apa yang berlaku secara positif daripada menyentuh kes-kes, insiden dan isu individu yang akhirnya mencetuskan perpecahan.

"Melakukan mogok lapar atau tidak adalah keputusan mereka. Pada akhirnya kita akan patuhi undang-undang dan tidak ada perubahan.

"Anda perlu lalui proses biasa. Undang-undang baru (menggantikan ISA) perlu diwartakan, dan undang-undang baru itu juga menyatakan bahawa mereka yang didakwa sebelum ini tidak terjejas.

"Jadi saya fikir ini satu helah orang hendak mengalih perhatian atau merosakkan program transformasi Perdana Menteri," kata beliau semasa melancarkan Y-Avenue di Himpunan Sejuta Belia di sini Jumaat.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=668786>